

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(B)1

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

1. Nyatakan jumlah terkini Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
 - (a) Huraikan penyata kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2024.
 - (b) Huraikan pendapatan dan perbelanjaan terkini bagi tahun 2025.
 - (c) Senaraikan sumber pendapatan baru bagi tahun 2025.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

1. Butiran jumlah terkini Akaun Hasil Disatukan adalah seperti berikut:

Setakat 30 April 2025, Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM1,535.00 juta merangkumi Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM199.22 juta dan Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM1,335.78 juta.

- (a) Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2024 (belum diaudit) menunjukkan kedudukan Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM1,384.74 juta berbanding RM1,466.04 juta pada

tahun 2023 merangkumi Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM155.94 juta dan Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM1,228.80 juta. Akaun Hasil Disatukan menurun sebanyak RM174.09 juta berbanding tahun 2023. Manakala Akaun Amanah Disatukan meningkat sebanyak RM92.79 juta berbanding tahun 2023.

Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2024 dengan kurangan semasa berjumlah RM174.09 juta, lebih rendah berbanding kurangan tahun 2023 berjumlah RM358.80 juta. Kurangan ini adalah disebabkan hasil diperolehi adalah berjumlah RM810.46 juta berbanding perbelanjaan mengurus berjumlah RM719.55 juta dan pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM265.00 juta. Kerajaan Negeri telah menerima pendahuluan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM100 juta bagi menampung aliran tunai yang antaranya menyumbang kepada peningkatan Akaun Amanah Disatukan.

- (b) Sehingga 31 Mac 2025, Kerajaan Negeri telah mencatatkan jumlah pendapatan yang bernilai RM268,463,025.36. Manakala perbelanjaan pula telah mencatatkan sejumlah

RM203,189,122.16. Ini menjadikan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah *surplus* sebanyak RM65,273,903.20 berakhir 31 Mac 2025.

- (c) Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) telah mengambil inisiatif bagi mengenal pasti sumber pendapatan baru bagi tahun 2025 melalui dua (2) siri bengkel;
- i. Bengkel Semakan Kadar, Prosedur Kutipan Hasil dan Mengenal pasti Isu-Isu Melibatkan Tunggakan dan Pengurangan Hasil Negeri Pulau Pinang pada 2 - 4 Ogos 2024; dan
 - ii. Bengkel Halatuju dan Peningkatan Hasil Pentadbiran dan Agensi di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 15 - 18 Januari 2025.

Dapatan kedua-dua bengkel tersebut telah menghasilkan 24 strategi peningkatan/pemantapan hasil. Sebanyak sembilan (9) strategi dalam tindakan pelaksanaan pada tahun 2025 seperti di **LAMPIRAN A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.